

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TONG HIM
(KOTA MELAKA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26.10.2015

Y.B. TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang dilaksanakan untuk membina daya tahan kedudukan ekonomi negara kita menghadapi ketidakpastian ekonomi dunia :-

(a) berikan punca-punca yang mengakibatkan penurunan nilai mata wang ringgit di pasaran mata wang dunia; dan

(b) adakah skandal 1MDB merupakan salah satu puncanya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penyusutan kadar pertukaran nilai ringgit sejak Akhir September 2014 bukanlah suatu kes terpencil dan ianya didorong terutamanya oleh faktor luaran. Dalam tempoh September 2014 hingga 16 Oktober 2015, nilai ringgit menyusut sebanyak 21.6%, terutamanya didorong oleh aliran keluar portfolio. Mata wang serantau yang lain turut mengalami penyusutan nilai antara 5.9% sehingga 19.5% berbanding dolar AS dalam tempoh yang sama. Walau bagaimanapun, baru-baru ini, trend ini mula menunjukkan perubahan dan nilai ringgit menjadi kukuh sebanyak 6.5% bagi tempoh 1 Oktober sehingga 16 Oktober 2015.

2. Penyusutan nilai ringgit adalah disebabkan oleh jangkaan pelabur terhadap kemungkinan kadar faedah di AS dinaikkan. Ini telah menggalakkan minat pelabur terhadap pegangan aset dalam nilai dolar AS lantas menyebabkan aliran keluar daripada pasaran negara membangun pesat berkembang. Tambahan pula, kebimbangan pelabur terhadap pertumbuhan ekonomi serantau yang dicetuskan oleh prospek pertumbuhan lebih perlahan di China telah meningkatkan aktiviti

penghindaran risiko oleh para pelabur di pasaran negara membangun pesat berkembang serta menambah tekanan terhadap mata wang serantau. Ketidaktentuan perkembangan ekonomi di Greece dan kebimbangan terhadap kelembapan ekonomi China serta penurunan yuan pada bulan Ogos turut menjejaskan prestasi mata wang serantau. Mata wang negara pengeksport komoditi, termasuk Malaysia, turut menerima kesan daripada kejatuhan ketara harga minyak dunia.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Walaupun ketidaktentuan pasaran kewangan menjadi lebih ketara, keseluruhan proses pengantaraan dalam sistem perbankan tidak terganggu. Kedudukan kewangan bank kekal kukuh dan aktiviti pembiayaan terus berkembang. Contohnya, pada bulan Ogos 2015, pinjaman sistem perbankan terkumpul meningkat 10.2% pada asas tahunan, disokong oleh peningkatan pinjaman perniagaan (11.5% pada asas tahunan) dan pertumbuhan pinjaman isi rumah (8.3% pada asas tahunan). Dari segi sektor luaran, imbangan akaun semasa dijangka terus dalam lebihan. Imbangan dagangan sejak Januari hingga Ogos 2015 mencatatkan lebihan RM54 bilion sementara untuk tempoh yang sama

bagi tahun 2014 mencatatkan RM52 bilion. Ini menunjukkan imbalan dagangan negara terus berada pada paras lebihan.

4. Walau bagaimanapun, penyusutan nilai yang lebih besar dan berpanjangan mungkin memberikan kesan negatif terhadap ekonomi, terutamanya jika penyusutan ini menyebabkan sentimen isi rumah, perniagaan dan pelabur terjejas dengan ketara, yang mungkin mengakibatkan pengurangan ketara dalam aktiviti penggunaan dan pelaburan. Selain itu, meskipun ekonomi global dijangka terus berkembang pada kadar yang sederhana, pertumbuhan Malaysia mungkin menerima kesannya sekiranya pertumbuhan global menjadi lebih lemah daripada jangkaan.

5. Bagi pelaburan, kesan penyusutan nilai ringgit diunjurkan bercampur-campur. Walaupun sesetengah perniagaan akan menanggung kos yang lebih tinggi disebabkan oleh kandungan import mereka yang tinggi, terdapat juga perniagaan lain yang akan memperoleh manfaat daripada penyusutan nilai berikutan hasil eksport yang lebih tinggi. Secara khususnya, penyusutan nilai ringgit akan memberi manfaat kepada eksport perkilangan Malaysia yang menyumbang sebanyak dua pertiga daripada jumlah eksport kasar.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Walaupun dalam persekitaran luar yang tidak menentu termasuk kejatuhan harga minyak mentah dunia, volitiliti pasaran kewangan serta kelembapan ekonomi serantau yang memberi kesan kepada ekonomi negara, namun begitu ekonomi Malaysia terus berkembang dengan kukuh. Dalam tempoh separuh pertama 2015, ekonomi negara mencatat pertumbuhan KDNK benar 5.3% disokong oleh pengukuhan permintaan domestik, terutamanya perbelanjaan sektor swasta. Eksport kasar yang mengalami pertumbuhan negatif 3.1% dalam tempoh separuh pertama 2015 telah mula menunjukkan peningkatan pada bulan Julai hingga Ogos 2015 sebanyak 3.8% (Julai - Ogos 2014: 1.2%) disokong oleh peningkatan eksport barangan pembuatan dan pertanian. Dengan mengambil kira perkembangan ini, ekonomi Malaysia pada tahun 2015 dijangka mencatat pertumbuhan stabil dalam lingkungan 4.5% hingga 5.5% disokong oleh aktiviti ekonomi domestik yang berdaya tahan.

7. Dalam menguruskan pergerakan harian ringgit, Kerajaan sentiasa memantau secara terperinci jumlah dan jenis aliran keluar oleh pemastautin dan juga bukan pemastautin. Pada masa yang sama, Kerajaan juga berusaha mengurangkan kesan aliran keluar ke atas nilai

ringgit. Ini termasuk melaksanakan langkah-langkah yang menggalakkan syarikat berkaitan Kerajaan untuk membawa balik hasil eksport dalam mata wang asing. Syarikat berkaitan Kerajaan juga dikehendaki mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada Kementerian Kewangan untuk membuat pelaburan di luar negara. Usaha-usaha yang dilaksanakan untuk membangunkan pasaran pertukaran asing dalam negeri turut membantu syarikat-syarikat tempatan dalam menguruskan dedahan mereka terhadap ketidakstabilan mata wang asing dan risiko yang berkaitan.

8. Dalam menghadapi ketidakpastian ekonomi dunia, langkah-langkah berikut telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk membina daya tahan kedudukan ekonomi negara, antaranya:

a. Ekonomi telah ditransformasikan menjadi lebih pelbagai dan pergantungan kepada sektor-sektor tertentu telah dikurangkan. Sektor komoditi kini hanya menyumbang sebanyak 18% kepada KDNK Malaysia.

b. Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan agensi-agensi lain juga telah melaksanakan inisiatif-inisiatif untuk membangunkan pasaran modal. Pasaran bon tempatan, contohnya, telah berkembang kepada 95.3% daripada KDNK pada suku kedua 2015 berbanding 73.3% daripada

KDNK pada tahun 2000. Pasaran bon Malaysia juga kini merupakan antara pasaran bon terbesar di rantau Asia, selepas Korea dan Jepun. Melalui pasaran bon dalam mata wang tempatan yang aktif ini, ia telah membantu memastikan risiko dedahan terhadap pergerakan mata wang berada pada tahap yang minimum. Sebagai contoh, hutang Kerajaan dalam nilai mata wang asing adalah hanya sebanyak RM18.8 bilion atau 3% daripada jumlah keseluruhan hutangnya.

c. Usaha yang berterusan untuk mengembangkan pasaran bon dalam mata wang tempatan, telah turut membantu syarikat-syarikat dalam menguruskan dedahan mereka terhadap turun naik mata wang asing dan risiko yang berkaitan. Ini telah mempelbagaikan sumber pembiayaan bagi ekonomi dan mengurangkan pergantungan kepada sektor perbankan.

d. Pengumpulan rizab sejak tempoh pasca-Krisis Kewangan Global merupakan sebahagian daripada usaha Bank Negara Malaysia untuk membina penampan kerana jangkaan wujudnya tempoh tekanan. Penampan ini memainkan peranan penting dalam mengimbangi turun naik berlebihan kadar pertukaran pada tempoh kebalikan modal pada masa ini. Penampan ini adalah lebih daripada lapan kali jumlah import, melebihi kelaziman antarabangsa iaitu tiga bulan.

Tuan Yang di-Pertua,

9. Kerajaan tidak bercadang untuk menambat semula mata wang ringgit seperti yang pernah dilakukan pada tahun 1998. Keadaan pada masa ini adalah amat berbeza dan kos untuk mengubah rejim mata wang adalah lebih tinggi berbanding dengan pulangan yang diperolehi. Tambahan pula, perkara sebaliknya mungkin boleh berlaku dengan perubahan dasar tersebut akan meningkatkan lagi ketidaktentuan dan menjadikan keadaan lebih buruk.

10. Keadaan turun naik pasaran kewangan dijangka terus berlarutan, namun secara keseluruhan, kedudukan ekonomi Malaysia adalah tidak terjejas. Amat sukar untuk menjangka berapa lama tempoh turun naik pasaran akan berlaku kerana ia disebabkan oleh pelbagai faktor global. Apa yang penting adalah untuk terus memastikan kemampuan kita untuk menangani dan menghadapi tempoh tidak menentu dalam keadaan pasaran dengan cekap dan berkesan.

11. Melangkah ke hadapan, Kerajaan akan terus melaksanakan langkah-langkah untuk meningkatkan daya tahan ekonomi negara dan menaikkan sentimen pasaran dan pelabur, termasuk mengekalkan komitmen yang jitu dalam melaksanakan konsolidasi fiskal. Di samping itu, tumpuan turut

diberi bagi memastikan pertumbuhan permintaan pelaburan dan kepenggunaan dalam negeri berterusan dengan mengutamakan perbelanjaan pembangunan yang mempunyai nilai penggandaan yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua,

Dengan pelbagai langkah strategik yang dinyatakan di atas, saya yakin mata wang negara akan berada di landasan yang kukuh.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. MUHAMMAD LEO
MICHAEL TOYAD ABDULLAH [MUKAH]**

TARIKH : 26 OKTOBER 2015 (ISNIN)

SOALAN : 33

Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah untuk meningkatkan perkhidmatan penerbangan di luar bandar di Sarawak khususnya, iaitu dari segi kemudahan pesawat baru dan landasan kapal terbang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa berusaha untuk menaiktaraf dan membangunkan perkhidmatan serta kemudahan penerbangan di kawasan luar bandar di Sarawak khususnya.

Buat masa ini, Kerajaan sedang dalam proses mengkaji semula Perkhidmatan Udara Luar Bandar (*Rural Air Services – RAS*) yang dioperasikan oleh syarikat penerbangan MASwings di Sabah dan Sarawak. Kajian terperinci tersebut akan turut merangkumi jenis pesawat yang akan digunakan untuk perkhidmatan RAS. Dalam pada itu, Kerajaan juga telah bersetuju dengan permohonan MASwings untuk menukar 4 buah pesawat ATR72-500 kepada 4 buah pesawat ATR72-600 bagi peningkatan operasi RAS di Sabah dan Sarawak.

Sepertimana yang telah diumumkan semasa pembentangan bajet 2016 pada 23 Oktober 2015, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM42 juta bagi pembinaan dan menaiktaraf beberapa lapangan terbang termasuk Lapangan Terbang Mukah, Sarawak. Selanjutnya Kerajaan juga telah bersetuju supaya perkhidmatan pengangkutan penumpang udara domestik kelas ekonomi bagi laluan Rural Air Services di Sabah, Sarawak dan Labuan dikecualikan daripada GST.

Dalam pada itu, Kerajaan juga telah meluluskan Kajian Kemungkinan Pembinaan *Stolport* Lawas yang Baru di Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Ke-11.